



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK 2009 *UKUR BAHAN*

KOD : PTU02

SUBJEK : AMALAN & PROSEDUR TENDER/
KONTRAK

TARIKH : 17 OGOS 2009

MASA : 2.00 PTG - 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

ARAHAN KEPADA CALON

1. **Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada tiap-tiap helai kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-kali menulis nama anda pada kertas jawapan. Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.**
2. **Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.**
3. **Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja. Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.**
4. **Jawab secukup soalan sahaja mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.**
5. **Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.**
6. **Calon-calon digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan mereka di mana sesuai.**
7. **Calon-calon dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.**
8. **Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas soalan.**
9. **Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calon adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.**
10. **Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.**
11. **Calon-calon dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.**
12. **Calon-calon tidak dibenarkan keluar dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit dari mulanya peperiksaan.**
13. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calon yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang menasabah.**
14. **Calon-calon yang dldapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.**
15. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.**

PERKARA : PTU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan
Jawab mana-mana **lima (5)** soalan sahaja*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

a) Nyatakan tujuan dan bila perkara-perkara berikut disediakan:

- i) Cabutan Butir-butir Permulaan (*PDA*)
- ii) Cabutan Butir-butir Seperti Ditender (*ATDA*)
- iii) Cabutan Butir-butir Seperti Kontrak (*ACDA*)

(9 markah)

b) Apakah yang dimaksudkan dengan Analisa Kos Mengikut Elemen (*Elemental Cost Analysis - ECA*) serta huraikan tujuan dan penggunaan *ECA* dalam pembangunan sistem maklumat kos.

(11 markah)

SOALAN 2

Berdasarkan maklumat di bawah, jawab soalan-soalan yang diberikan:

Projek : Membina dan menyiapkan makmal di Serdang, Selangor

No. kontrak : JKR/IP/UB/2005

Harga kontrak : RM 12,000,000.00

Tempoh kontrak : 12 bulan

Tarikh mula : 9 Mac 2005

SOALAN 2 (sambungan)

Item	Huraian	Amaun (RM)
A	Kerja awalan	1,000,000.00
B	Cerucuk	500,000.00
C	Blok utama	6,000,000.00
D	Kerja sekitar bangunan	500,000.00
E	Wang Peruntukan Sementara	1,500,000.00
F	Wang Kos Prima	2,500,000.00
	Jumlah dibawa ke Borang Tender	12,000,000.00

- a) Nyatakan peratusan dan nilai Bon Pelaksanaan berserta pengiraannya.
(3 markah)
- b) Nyatakan nilai Bayaran Pendahuluan berserta pengiraannya.
(3 markah)
- c) Berserta andaian nyatakan nilai bagi Denda Gantirugi Tertentu dan Ditetapkan berserta pengiraannya.
(3 markah)
- d) Nyatakan tarikh penyiapan bagi projek di atas.
(3 markah)
- e) Nyatakan tempoh bagi perkara-perkara berikut:
- i) Liabiliti Kecacatan
 - ii) Insurans Kerja
 - iii) Insurans Liabiliti Awam
 - iv) Bon Pelaksanaan

(8 markah)

SOALAN 3

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Perubahan Harga Bahan (*Variation of Price*)?

(3 markah)

- b) Senaraikan **empat (4)** jenis kerja yang layak dibuat pelarasan dibawah Syarat Perubahan Kerja.

(2 markah)

- c) Nyatakan jenis kerja yang tidak tertakluk kepada pelarasan Perubahan Harga.

(3 markah)

- d) Nyatakan **dua (2)** asas pengiraan Perubahan Harga.

(2 markah)

- e) Senaraikan item-item yang tidak diambilkira dibawah Perubahan Harga.

(5 markah)

- f) Nyatakan **lima (5)** jenis bahan binaan yang tertakluk kepada pelarasan Perubahan Harga.

(5 markah)

SOALAN 4

- a) Senaraikan **empat (4)** elemen utama yang perlu dipertimbangkan untuk membina kadar harga.

(2 markah)

SOALAN 4 (sambungan)

- a) Nyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi harga bahan.
(6 markah)
- c) Nyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi kos buruh.
(3 markah)
- d) Berserta andaian, binakan kadar harga bagi mengikat jubin dinding seramik bersaiz 250 mm x 250 mm x 6 mm tebal berserta lapisan lepa simen dan pasir (1 : 3) untuk menerima jubin.
(9 markah)

SOALAN 5

- a) Berikan takrif bagi kontrak berdasarkan *Design and Build* dan kontrak *Turnkey*.
(2 markah)
- b) Nyatakan berserta huraian bagi kaedah bayaran interim yang boleh dilaksanakan untuk kontrak *Design and Build/Turnkey*.
(3 markah)
- c) Nyatakan **lima (5)** Fasal yang mana hak untuk mengambil tindakan dikhaskan kepada pegawai yang dinamakan seperti di dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak siri 203A (Semakan 10/83).
(5 markah)
- d) Senaraikan **lima (5)** perbezaan utama antara kontrak menggunakan borang siri JKR 203 dan JKR DB/T.
(10 markah)

SOALAN 6

- a) Sebelum kontraktor boleh memulakan kerja di tapak bina, apakah perkara-perkara yang perlu dikemukakan kepada Pegawai Penguasa/Pengarah Projek?

(4 markah)

- b) Senaraikan bentuk-bentuk jaminan Bon Pelaksanaan yang dibenarkan oleh Perbendaharaan.

(5 markah)

- c) Senaraikan **enam (6)** perkara utama yang perlu ada dalam sesebuah Dokumen Kontrak.

(9 markah)

- d) Nyatakan tempoh bagi penyediaan Dokumen Kontrak mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan.

(2 markah)

SOALAN 7

Huraikan secara ringkas bagi perkara-perkara berikut:

- a) Ringkasan Projek
- b) Pengambilan Tanah
- c) Pengukuhan Tapak bina dan Penyelidikan Tanah
- d) Rekabentuk Permulaan
- e) Penyediaan Anggaran Awal
- f) Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa
- g) Perakuan Kerja Tak Siap
- h) Perakuan Siap Kerja

SOALAN 7 (sambungan)

- i) Siap Berbahagian-bahagian
- j) Perakuan Pendudukan Separa

(20 markah)

SOALAN 8

- a) Nyatakan **empat (4)** asas utama bagi Penilaian Tender Kerja.

(8 markah)

- b) Senaraikan tugas Jawatankuasa Membuka Tender.

(6 markah)

- c) Nyatakan tempoh bagi perkara-perkara berikut:

- i) Tempoh proses Penilaian Tender
- ii) Tempoh minimum sah laku tender
- iii) Tempoh minimum pelawaan tender

(4 ½ markah)

- d) Nyatakan bayaran minimum bagi satu (1) set dokumen tender

(1 ½ markah)

SOALAN 9

- a) Nyatakan **enam (6)** perkara yang perlu diambilkira sebelum penyediaan Perakuan Muktamad disiapkan.

(12 markah)

SOALAN 9 (sambungan)

- b) Terdapat **tiga (3)** jenis kadar harga yang digunapakai dalam menilai Perubahan Kerja. Nyatakan jenis kadar harga tersebut.

(3 markah)

- c) Berapakah tempoh penyediaan Perakuan Muktamad sebagaimana yang terkandung di dalam Syarat-syarat Kontrak?

(2 markah)

- d) Senaraikan **tiga (3)** pihak yang perlu dibayar mengikut turutan keutamaan, jika Bayaran Muktamad yang diperakukan tidak mencukupi.

(3 markah)

SOALAN 10

Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:

- a) Kaedah Aliran Kritikal (*Critical Path Method*)
- b) Surat Ikatan Penyerahan Hak Faedah
- c) Surat Perwakilan Kuasa
- d) Bahan-bahan dan Barang-barang Tak Pasang
- e) Jadual Kadar Harga
- f) Harga Kerja Pembina
- g) Keuntungan dan Layanan
- h) Caj *On-Cost*
- i) Harga *Cut-off*
- j) Kadar Kerja Harian (*Day Works Rates*)

(20 markah)
